



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

30 Jun 2019

1. Parah digigit anjing jiran; Berita Harian Ahad
2. Muka Terkoyak diserang pitbull; Kosmo
3. Pitbull baham muka; Metro Ahad

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Tragedi		51	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
30.6.2019			

Parah kena gigit anjing jiran

Mersing: Seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun parah akibat digigit seekor anjing Pitbull peliharaan jirannya di Taman Makmur, Endau, dekat sini, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Mersing, Superintendan Cyril Edward Nuing, berkata kejadian pada jam 7.30 malam itu berlaku ketika mangsa bermain di kediaman jirannya itu.

"Kejadian itu dipercayai berlaku selepas tali rantai pengikat anjing tercabut menyebabkan haiwan itu terlepas dan menyerang mangsa.

"Anjing baka campuran itu menggigit muka serta beberapa bahagian badan mangsa," katanya.

Cyril berkata, siasatan awal mendapati pemilik anjing tidak mempunyai sebarang permit atau lesen untuk memiliki anjing berkenaan.

Katanya, kanak-kanak itu yang mengalami kecederaan parah dibawa ke Hospital Rompin untuk rawatan dan kemudian dihantar ke hospital pakar untuk rawatan lanjut oleh keluarganya.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat		RUANGAN :	
M/SURAT: 10-11			
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
30.6.2019			

LANGKAH BERJAGA-JAGA

- Gunakan vaksin moden seperti sel dikultur atau telur berembrio
- Elakkan memegang haiwan liar dan haiwan peliharaan sesat terutama anjing dan kucing
- Jika seseorang digigit haiwan yang mungkin dijangkiti rabies atau berhubung kait dengan seseorang yang disyaki menghidap rabies, segera bersihkan luka dengan sabun dan air dan dapatkan rawatan doktor dengan segera

RAWATAN

- Selepas terkena gigitan luka dengan segera, basuh luka dengan sabun dan air atau air saja kemudian sapukan etanol (70%) atau tinctur atau larutan iodine keueus atau iodine povidone bertujuan untuk mengelak jangkitan
- Antirabies immunoglobulin (RIG) disapukan pada tempat luka dan tisu di sekitarnya
- Beberapa dos vaksin disuntik ke dalam kulit atau otot. Dos pertama mesti diberikan seawal mungkin selepas terkena gigitan dan dos terakhir dalam tempoh 28 hari sekiranya disuntik ke dalam otot atau 90 hari sekiranya disuntik ke dalam kulit
- Pencegahan tetanus dan rawatan anti-bakteria (jika diperlukan)
- Elakkan menjilat atau menutup luka (kecuali jika tidak dapat dielakkan)

PITBULL BAHAM MUKA

Wajah kanak-kanak perempuan koyak diserang anjing peliharaan jiran

KRONOLOGI ANJING MENYERANG MANUSIA

25 Januari 2012
Seorang wanita berusia 57 tahun diserang anjing jiran apabila tali yang dipegang pemilik anjing itu terlepas di Taman Seri Duyong, Melaka

8 Mei 2012
Ye Sun Wah, 74, maut selepas diserang anjing jirannya di jalan 5579/3E Subang Jaya. Ketika kejadian, mendengar baying-baying seorang diri sebelum anjing baka Pitbull menggigit leher dan telinganya.

25 Februari 2014
Seorang wanita menerima 28 jahitan akibat kecederaan di sepaka, paha dan lengan selepas diserang anjing peliharaan jirannya di Solok Bukit Jambul, Pulau Pinang. Mangsa berusia 53 tahun diterkam anjing baka German Shepherd ketika berbalut dengan seorang jiran di depan rumah pada jam 8:15 pagi.

4 Julai 2017
Dua kanak-kanak perempuan digigit anjing jiran yang disahkan dijangkiti virus rabies di Kuala Sepetang, Taiping, Perak

7 Februari 2019
Seorang kanak-kanak digigit anjing jirannya ketika bermain bersama rakan di Kampung Air Kuning, Taiping, Perak

24 Jun 2019
Seorang kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) cedera di kaki kanan selepas digigit anjing peliharaan seorang lelaki ketika menjalankan operasi di Tiwangan, Kuala Lumpur.

Rantai pengikat anjing tercabut

Meringis Seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun cedera parah di muka kerana digigit seekor anjing baka cacukan Pitbull di sebuah rumah di Taman Makmur, Endau dekat sini, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Mering Superintendan Cyril Edward Nuing berkata, pada kejadian jam 7.30 malam itu, mangsa sedang bermain di rumah jirannya.

"Kejadian dipercayai berlaku selepas rantai pengikat anjing tercabut sebelum haiwan peliharaan jirannya itu menyerang mangsa."

Diikuti sara mengigit

maula malah beberapa bahagian badan mangsa," katanya pada kenyataan semalam.

Mangsa bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ISKCO Chiao Ching, Endau.

Menurut Cyril, siasatan awal mendapati pemilik anjing terbahad tidak mempunyai permit atau lesen untuk memiliki haiwan itu.

"Mangsa dibawa ke Hospital Ronggeng untuk memulakan rawatan kecemasan sebelum dihantar ke hospital pakar untuk rawatan lanjut."

"Jabatan Veterinar Johor masih meniasat sama ada anjing itu mempunyai sebarang penyakit berjangkit."

"Kes disiasat mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksaan," katanya.

Difahamkan, anjing terbahad dibela sejak kira-kira lima tahun lalu.

Pantau simptom penyakit Rabies

Jabab Baharu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (IPV) Johor masih meniasat kes seekor anjing baka cacukan Pitbull menyerang seorang kanak-kanak hingga parah di muka di sebuah rumah di Taman Makmur, Endau dekat sini, Khamis lalu.

Fengetahu, Dr Aida Mukhid berkata, pihaknya dimaklumkan mengenai kejadian itu semalam dan anggota serta pegawai Pejabat Veterinar Daerah (PVD) Mering sudah memulakan siasatan.

"Kami sudah ke lokasi kejadian. Siasatan awal lebih kepada kes gigitan anjing itu, sama ada (anjing) bebas penyakit anjing gila (Rabies) atau sebaliknya."

"Kami masih menunggu laporan penuh yang dijangka siap esok (hari ini) sebelum mengambil tindakan sewajarnya."

"Antara tindakan yang boleh diambil termasuk mengkuarantin surut kuarantin untuk pantau tanda-tanda klinikal penyakit Rabies selama 10 hari bermula esok (hari ini)," katanya dihubungi semalam.

Siasatan awal lebih kepada kes gigitan anjing itu, sama ada (anjing) bebas penyakit anjing gila (Rabies) atau sebaliknya"

Dr Aida

Menurutnya, arahan kuarantin belum dikeluarkan namun anjing itu boleh ditahan sama ada di rumah pemilik atau di pejabat Majlis Daerah Mering (MDM) Cawangan Endau, bergantung kepada pemeriksaan doktor veterinar hari ini.

Katanya, anjing baka itu sebenarnya perlu diselamatkan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) namun buat masa ini, beliau tidak dapat memastikan sama ada anjing itu berlesen atau sebaliknya.

"Kami masih meniasat dan maklumat diperolehi belum lengkap. Selepas selesai siasatan, kami akan kongsikan hasilnya."

"Sebarang tindakan yang bakal diambil bergantung pada siasatan pasukan ini," katanya.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Semasa	M/SURAT: <input type="text" value="8"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
30.6.2019			

Budak perempuan cedera parah diserang anjing peliharaan jiran

Muka terkoyak diserang pitbull

Oleh SHARKAWI LONDING

MERSING - Seorang budak perempuan cedera parah selepas digigit seekor anjing baka pitbull milik jirannya dalam kejadian di Taman Makmur, Endau di sini malam kelmarin.

Dalam kejadian pukul 7.30 malam, mangsa berusia 11 tahun itu cedera parah pada muka dan badan.

Ketua Polis Daerah Mersing, Superintendan Cyril Edward Nuing berkata, ketika kejadian, murid tahun lima itu dikatakan sedang bermain berhampiran kediaman jiran-

nya.

"Tali rantai pengikat anjing berkenaan dipercayai tercabut menyebabkan haiwan itu terlepas sebelum menyerang mangsa.

"Anjing itu bertindak menggigit muka serta beberapa bahagian badan mangsa" katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Cyril berkata, mangsa berjaya diselamatkan ibu bapa serta pemilik anjing tersebut yang menyedari kejadian itu selepas mendengar jeritan mangsa.

Jelasnya, mangsa dikejarkan ke Hospital Rompin di sini

untuk rawatan kecemasan sebelum dirujuk ke hospital pakar untuk rawatan lanjut oleh keluarganya.

Menurut Cyril, siasatan awal mendapati pemilik anjing tidak mempunyai sebarang permit atau lesen untuk memiliki anjing terbabat.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga menyiasat kes ini dan anjing berkenaan sudah diambil untuk pemeriksaan lanjut termasuk memeriksa sama ada haiwan itu mempunyai sebarang penyakit," jelasnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksaan.



CONTOH gambar anjing baka pitbull.



KECEDERAAN dialami kanak-kanak perempuan akibat digigit anjing di Mersing kelmarin.